



KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPUTRAJAYA

kementeriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

@KEMENTERIANDALAMNEGERI

PERSIDANGAN ASIAN DAN PASIFIK KOREKSIONAL PENTADBIRAN KE-38

3 September 2018 | YB Dato' Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah merasmikan Persidangan Asian dan Pasifik Koreksional Pentadbiran (APPCA) Kali ke-38, di Hotel Equatorial, Melaka.

Majlis turut dihadiri oleh YAB Tuan Hj. Adly Zahari, Ketua Menteri Melaka dan YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

APPCA ke-38 adalah merupakan penganjuran kali keempat yang memilih Malaysia sebagai tuan rumah dan disertai 29 negara anggota bertujuan mempertingkatkan kerjasama serta bertukar pandangan program pemulihan banduan.





KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPUTRAJAYA

kemeteriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

@KEMENTERIANDALAMNEGERI

KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS TMDN



14 September 2018 | YB Dato' Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah menerima kunjungan hormat daripada H.E Nusron Wahid, Ketua Agensi Kebangsaan bagi Penempatan dan Perlindungan Pekerja Indonesia Luar Negara.

Turut sama dalam pertemuan tersebut adalah YBhg. Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan) Kementerian Dalam Negeri.

Dalam pertemuan tersebut, beberapa perkara telah dibincangkan dalam usaha memperkukuh dan mempertingkatkan kerjasama antara kedua-dua negara khususnya dalam pengurusan pekerja asing.





KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPUTRAJAYA

kemeteriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

@KEMENTERIANDALAMNEGERI

LAWATAN KERJA TIMBALAN PERDANA MENTERI KE DEPOH IMIGRESEN SEMENYIH



14 September 2018 | YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Dr Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengadakan lawatan kerja ke Depoh Imigresen Semenyih.

Lawatan Timbalan Perdana Menteri disambut oleh YB Dato' Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan seterusnya dibawakan melawat sekitar Depoh Imigresen Semenyih dan diberikan taklimat oleh Dato' Sri Mustafar bin Hj. Ali, Ketua Pengarah Imigresen.

Turut serta dalam lawatan kerja kali ini ialah YB Hannah Tseoh Suan, Timbalan Menteri KPWKM.





KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPUTRAJAYA

kementeriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

@KEMENTERIANDALAMNEGERI

SOMTC KE-18



MINISTRY OF HOME AFFAIRS

18TH SENIOR OFFICIALS MEETING ON TRANSNATIONAL CRIME AND ITS RELATED MEETINGS

"ENSURING SECURITY, PEACE AND PROSPERITY OF ASEAN"

PUTRAJAYA, MALAYSIA
23-28 SEPTEMBER 2018



PRESS
CONFERENCE

MINISTRY OF
HOME AFFAIRS

Kementerian Dalam Negeri dengan jayanya telah menganjurkan Mesyuarat Peringkat Pegawai-Pegawai Kanan Asean Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) Ke-18 yang berlangsung pada 23 hingga 28 September 2018 di Putrajaya dengan tema *"Ensuring Security, Peace and Prosperity of ASEAN"*.

Majlis perasmian SOMTC 2018 telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohd Azis bin Jamman, Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 25 September 2018.

SOMTC 2018 merupakan penganjuran kali kedua buat Malaysia di mana kali pertama Malaysia menjadi tuan rumah Mesyuarat SOMTC adalah pada tahun 2008. Mesyuarat melibatkan penyertaan dari 10 buah negara anggota ASEAN termasuk 11 Rakan Dialog ASEAN dan dua pertubuhan antarabangsa membabitkan lebih 221 delegasi.

Antara 10 bidang jenayah rentas sempadan yang membelenggu rantau Asia Tenggara yang menjadi fokus pertemuan kali ini adalah keganasan, jenayah siber, jenayah ekonomi antarabangsa, penyeludupan manusia, penggubahan wang haram, pelanunan di laut, pemerdagangan manusia, penyeludupan senjata api, penyeludupan dadah serta penyeludupan haiwan liar dan balak.

Secara keseluruhannya terdapat 18 mesyuarat yang diselaraskan oleh Malaysia selaku Pengerusi SOMTC ke-18 yang melibatkan satu Sidang Plenari, enam Mesyuarat Kumpulan Kerja dan 11 Konsultansi Rakan Dialog.

www.moha.gov.my



KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPUTRAJAYA

kementeriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

@KEMENTERIANDALAMNEGERI

SAMBUTAN MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1440H/2018M



11 September 2018 | Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang diketuai oleh YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj.Ibrahim, Ketua Setiausaha KDN bersama 50 orang perwakilan telah menyertai Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1440H/2018M yang berlangsung di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan tema sambutan **'Menyantuni Umat Membawa Rahmat'**. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V turut berkenan berangkat ke majlis sambutan. Dianggarkan sambutan kali ini disertai seramai 10 ribu orang yang terdiri dari kakitangan Kerajaan, Badan Berkanun, pihak swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta orang ramai.





KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPUTRAJAYA

kementeriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

KEMENTERIANDALAMNEGERI

WAWANCARA MEDIA BERSAMA YBHG. KETUA SETIAUSAHA KDN SEMPENA SOMTC 2018

Sempena Mesyuarat Peringkat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) ke-18 yang berlangsung pada 23 hingga 28 September 2018 di Putrajaya, YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah ditemuramah oleh pihak media cetak dan elektronik bagi hebahan penganjuran mesyuarat tersebut.

Antara sesi temuramah YBhg. Dato' Seri Alwi bin Hj. Ibrahim adalah Program Selamat Pagi Malaysia dan Buletin Utama TV3, Berita Harian, Harian Metro serta The Star.



SOMTC KE-18 10 masalah jenayah rentas sempadan akan dibincang

Malaysia serius banteras ancaman lanun, perdagangan manusia

Oleh Norhafzan Jaafar dan Suhaila Ali
cnews@stp.com.my
Putrajaya

Malaysia serius membanteras jenayah merentas sempadan seperti ancaman lanun laut, pengubahan wang haram dan penyeludupan manusia. Negara juga memulakan kerjasama negara jiran untuk memastikan keberkesanan menangani masalah berkenaan. Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Dato' Seri Alwi Ibrahim, berkata strategi membanteras jenayah merentas sempadan menjadi isu utama dalam Mesyuarat Peringkat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) Ke-18. Katanya, mesyuarat akan berlangsung di Putrajaya pada 23 hingga 28 September ini.

"Kerajaan sentiasa memastikan pengukuasaan berteras, tetapi kita memerlukan bantuan peringkat ASEAN membanteras jenayah ini dengan lebih berkesan. "Jenayah seperti penyeludupan manusia bukan sahaja dipandang serius kerajaan, tetapi juga badan antarabangsa lain," katanya di sini, semalam.

Alwi berkata, sebanyak 10 masalah jenayah rentas sempadan akan dibincangkan dalam mesyuarat lima hari yang bertemakan 'Memastikan Keselamatan, Keamanan dan Kemakmuran Asean Berkesanan'. Selain itu negara anggota ASEAN, mesyuarat itu juga akan disertai 10 negara rakan dialog, termasuk Australia, Kanada, China, Kesatuan Eropah, India, Jepun, Korea Selatan, New Zealand, Russia dan Amerika Syarikat.

Dalam perkembangan lain, Alwi berkata, KDN pada peringkat akhir merumuskan cadangan pemusnahan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) sebelum diserahkan kepada Kabinet. Beliau berkata, Jemaah Menteri akan memutuskan sama ada cadangan itu akan dibentangkan pada sidang Parlimen bermula pertengahan bulan depan. Katanya, jawatankuasa khas ditubuhkan kementerian itu sudah mengadakan siri mesyuarat bagi mengkaji kebaikan dan kelemahan memusnahkan akta berkenaan. "Kami sedang menjemput pandangan yang dibangkitkan pelbagai pihak seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Majlis Penguatkuasaan dan agensi penguatkuasaan lain, sebelum rumusannya dibawa dan diputuskan pada peringkat Kabinet."

Jawatankuasa khas dipengerusakan saya menyaksikan tiga bulan bagi membolehkan rumusan akhir diserahkan kepada kerajaan," katanya. SOSMA digubal bertepatan mengabdikan aktiviti sekecuali atau kumpulan yang mahu menguiling atau melemahkan negara, termasuk ancaman rentas sempadan demi mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

AKTA ini diluluskan di Parlimen pada 2012 bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960. Menggantikan SOSMA, pegawai polis boleh, tanpa waran menangkap dan menahan mana-mana labahan selama 24 jam sahaja dan melartutkan tempoh penahanan tidak lebih 28 hari untuk siasatan.



KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPUTRAJAYA


kemeteriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

@KEMENTERIANDALAMNEGERI

ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

12 September 2018
Dataran Pahlawan, Putrajaya





KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPUTRAJAYA

kementeriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

@KEMENTERIANDALAMNEGERI

IMBASAN SOMTC KE-18



25 September 2018 | Majlis Perasmian Mesyuarat Peringkat Pegawai-Pegawai Kanan Asean Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) Ke-18



26 September 2018 | Mesyuarat Plenari Sempena Mesyuarat Peringkat Pegawai-Pegawai Kanan Asean Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) Ke-18



KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPUTRAJAYA

kementeriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

@KEMENTERIANDALAMNEGERI

IMBASAN SOMTC KE-18



25 September 2018 | Mesyuarat Plenari Sempena Mesyuarat Peringkat Pegawai-Pegawai Kanan Asean Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) Ke-18



27 September 2018 | SOMTC + Konsultasi Rakan Dialog : 7th SOMTC + Canada 7th SOMTC



KEMENTERIAN
DALAM NEGERI

e-BERITA

"Keselamatan Tanggungjawab Bersama"



Kementerian Dalam Negeri (KDN)

@KDNPUTRAJAYA

kementeriandalamnegeri

Kementerian Dalam Negeri KDN

@KEMENTERIANDALAMNEGERI

IMBASAN SOMTC KE-18



24 September 2018 | Mesyuarat Dua Hala Malaysia & Vietnam di SOMTC ke-18



26 September 2018 | Mesyuarat Dua Hala Malaysia & Australia di SOMTC ke-18



27 September 2018 | Majlis Makan Malam Sempena Mesyuarat Peringkat Pegawai-Pegawai Kanan Asean Mengenai Jenayah Rentas Sempadan (SOMTC) Ke-18

